

45 Orang Pelajar UMS Sertai Kursus Pengurusan Acara dan Semangat Berpasukan

Disediakan oleh :
Cik Norhana Bte Nordin

Pada 26 dan 27 Jun 2012, seramai 45 orang mahasiswa UMS telah mengikuti Kursus Pengurusan Acara dan Semangat Berpasukan bagi sesi 2012/2013. Kursus yang dijalankan bertujuan memberikan pengetahuan dan kemahiran asas kepada mahasiswa dalam pengurusan acara juga kemahiran dan ketahanan mental, fizikal berkenaan aspek-aspek kepimpinan dan pengurusan. Ia juga sekaligus dapat membantu mahasiswa bertanggungjawab dalam merancang, mengurus dan mengendalikan apa jua acara dalam usaha mencipta kesempurnaan dan kejayaan acara yang telah dikenalpasti. Kursus ini telah disampaikan oleh Penceramah dari kumpulan Event Management Waktu Prima Sdn Bhd yang telah dianjurkan oleh Seksyen Latihan, Bahagian Pengembangan Potensi Pelajar, HEP dikelola oleh Cik Norhana Bte Nordin selaku Penyelaras program tersebut.

Menurut Puan Rohani Hadi, Pemangku Ketua Bahagian Pengembangan Potensi Pelajar berkata – usaha untuk menjayakan sesebuah program bukanlah mudah kerana pengorbanan dan ketahanan mental, fizikal perlu ada dalam diri. Ini merupakan cabaran besar yang perlu dipimpin oleh pelajar tersebut bagi melaksanakan program itu berjaya. Tahniah kepada semua peserta yang menyertai program ini.

Disebalik kejayaan program ini tidak lupa ucapan penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Prof. Madya Datuk Dr. Hj. Kasim Hj. Md. Mansur, TNC HEPA, Kapt. Darwis Awang selaku Ketua Jabatan HEP dan semua jawatankuasa dalam memberikan komitmen dan menyokong penuh program yang dijalankan serta bertungkus lumus untuk menjayakannya.



Bergambar kenangan bersama penceramah Waktu Prima Sdn Bhd bersama Pn. Rohani Hadi dan Cik Norhana Nordin serta peserta kursus yang terlibat